

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA ]**

**TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan KBS dalam memperkuuhkan platform pelaksanaan program Felo Perdana sebagai program ‘*executive internship*’ yang memberikan jaminan peluang pekerjaan selaras dengan #MalaysiaKerja khususnya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 yang menyaksikan kehilangan pekerjaan dalam kalangan belia dan anak muda.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Program Felo Perdana dilaksanakan untuk melatih belia yang berpotensi dengan kemahiran kepimpinan menerusi penempatan secara langsung bersama Ahli-Ahli Jemaah Menteri. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga tahun 2019, seramai 533 orang felo yang terdiri daripada graduan dan siswazah dari universiti dalam dan luar negara telah menyertai program ini.
2. Bagi tahun 2020, pelaksanaan program Felo Perdana bermula dengan penempatan pada 8 Julai 2020. Selain bertugas sebagai *executive intern*, felo juga memperoleh pengalaman membentangkan cadangan kertas polisi (*policy paper*) berkaitan dengan kementerian masing-masing. Kertas polisi ini boleh digunakan oleh Kerajaan sebagai salah satu input dalam merangka inisiatif-inisiatif baru di peringkat kementerian.
3. Pelaksanaan program Felo Perdana diperkuuhkan lagi dengan pelaksanaan program Felo Korporat yang melibatkan penempatan mentor bersama Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat korporat. Program Felo Korporat mula dilaksanakan pada tahun 2019 dengan penglibatan 19 buah syarikat dan 30 peserta felo korporat. Pelaksanaan Felo Korporat bagi tahun 2020 sedang dalam pertimbangan Kementerian dan akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.